

Khamis, 30 Mei 2019 | 3:31pm

Pulau Pinang ulangi pendirian mahu beli air mentah Perak



KETUA Menteri Pulau Pinang, Chow Kon Yeow (kanan) bersama Jaseni melihat buku laporan tahunan selepas sidang media Hotel Jen, Georgetown. STR/Shahnaz Fazlie Shahrizal

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

GEORGETOWN: Pulau Pinang menyasarkan untuk membeli air mentah dari Perak berbanding tiga pilihan lain dinyatakan pemaju bagi projek Skim Penyaluran Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS).

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), Datuk Jaseni Maidinsa, berkata ia antara lain selari dengan amalan penjualan air terdahulu yang diguna pakai di beberapa negeri.

Tiga pilihan lain ialah membeli air terawat dari Perak; kaedah hibrid iaitu menyalurkan air mentah ke Reservoir Bukit Merah dan Pulau Pinang, manakala air terawat ke utara Perak atau air mentah ke Reservoir Bukit Merah dan air terawat ke Pulau Pinang serta utara Perak.

“Kita mahu pelaksanaan penyaluran air antara negeri dibuat menggunakan penjualan air mentah, bagaimanapun ia menjadi amalan bagi negeri untuk menjual air terawat kepada pengguna.

“Situasi ini sama seperti penjualan air mentah antara Pahang dan Selangor dengan Kerajaan Persekutuan berperanan sebagai arbitrator, selain kaedah ini yang kita sedang usahakan untuk diguna pakai bagi SPRWTS,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menghadiri Mesyuarat Agung PBA Holdings Bhd (PBAHB) Ke-19 di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Menteri, Chow Kon Yeow merangkap Pengerusi PBAHB.

SPRWTS membabitkan cadangan projek pengalihan air dari Sungai Perak, Perak ke Sungai Kerian, Pulau Pinang dengan pelaksanaannya akan dibuat menerusi kaedah Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI).

Ia dirancang bagi memenuhi keperluan sumber air mencukupi kepada rakyat dan industri di Pulau Pinang, selain menjadi alternatif kepada pembekalan sedia ada yang kini bergantung kepada Sungai Muda, Kedah.

SPRWTS dicadangkan sejak 2014 dengan pelaksanaannya akan turut memanfaatkan rakyat di utara Perak apabila sumber air mentah dialihkan ke Sungai Kerian kemudian akan diekstrak.

Pulau Pinang juga dikatakan akan membina loji rawatan air di sempadan negeri itu untuk menyalurkan bekalan mentah berkenaan ke kawasan lain di negeri ini dan utara Perak.

Jaseni berkata, Pulau Pinang bakal menghadapi nasib sama seperti Selangor yang berdepan krisis air dan catuan, jika loji rawatan bagi SPRWTS tidak disiapkan menjelang 2025.

“Kita perlu segera menyiapkan keseluruhan projek ini (SPRWTS) kerana loji rawatan air belum dibina, tambahan margin bekalan air kita adalah kecil.

“Malah, penggunaan air di Pulau Pinang kebiasaannya meningkat tiga peratus, setahun. Bagaimanapun ia boleh meningkat sehingga lima peratus, sekiranya keadaan ekonomi stabil,” katanya.

Sementara itu, Kon Yeow berkata, sehingga kini pemaju swasta dikatakan sudah menghantar kertas kerja bagi SPRWTS kepada Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri termasuk Pulau Pinang.

“Bagaimanapun, kita masih menunggu untuk perbincangan diadakan bersama kerajaan Perak dan Kerajaan Persekutuan dengan ia wajar dilakukan secepat mungkin.

“Ini kerana Sungai Muda tidak mampu menampung jumlah air diperlukan di Pulau Pinang, Kedah dan Perlis menjelang 2025. Justeru, sangat penting untuk kita mencari sumber kedua,” katanya.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, PBAHB mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM36.14 juta bagi tahun 2018 dengan agensi itu meluluskan untuk membayar dividen akhir sebanyak 1.75 sen bagi seunit saham.